GUNA RUANG PENTADBIRAN PADA BALAI UNDANG ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

FARIDZWAN BIN ABDUL GHAFAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

GUNA RUANG PENTADBIRAN PADA BALAI UNDANG ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

oleh

FARIDZWAN BIN ABDUL GHAFAR

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

Ogos 2018

PENGHARGAAN

Syukur terhadap Allah S.W.T kerana memberikan rezeki akal, ruang, masa, kudrat, kesihatan dan wang yang secukupnya untuk menyiapkan penyelidikan berkaitan perancangan seni bina yang amat bermakna kepada institusi Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan, iaitu Undang Yang Empat.

Ucapan terima kasih diberikan kepada penyelia kajian ini, Prof. Dr. A Ghafar Ahmad kerana memberikan pertolongan yang cukup banyak termasuk, bimbingan, tunjuk ajar, teguran yang sangat bermanfaat serta meluangkan masa bagi melengkapkan penyelidikan ini. Kepada rakan baik, Latip Mohamad, ribuan ucapan terima kasih membantu menyiapkan kajian kes bagi penyelidikan ini. Penghargaan diberikan kepada JKR Negeri Sembilan kerana membantu menyalurkan maklumat penting seni bina dalam kajian ini. Penghargaan juga dirakamkan terhadap Prof. Ir. Dr. Mahyuddin Ramli yang mencadangkan kajian ini. Tidak dilupakan, Prof. Madya Dr. Raja Nafida Raja Shahminan kerana memberikan idea serta topik bagi menggerakkan kajian sebegini yang jarang sekali diterokai ilmunya. Juga tidak dilupakan sahabat, Amir Ahmad Mohd Zamri dan Muhammad Arif Nordin serta kakitangan DCSE Tech Sdn. Bhd. yang sentiasa bersedia menghulurkan bantuan demi menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ke atas Orang Besar Balai Undang Sungei Ujong, Yang Mulia Dato' Laksamana, Dato' Shaharumzaman Abdul Malik dan Buapak Perut Hilir Waris Klana Sungei Ujong Yang Mulia Dato' Lela Bangsa,

Dato’ Ahmad Razin Abdul Aziz dan Lembaga Tiang Balai Luak Sungei Ujong, Yang Mulia Dato’ Andulika Mendulika, Dato’ Zainol Ariffin Ibrahim serta pembesar adat Sungei Ujong dan Linggi kerana membantu memberikan maklumat bagi menyiapkan kajian ini. Penghargaan tertinggi diberikan kepada Kebawah Kaus Yang Teramat Mulia Undang Johol, Dato’ Johan Perkasa Lela Sitiawan, Dato’ Muhammed Abdullah dan pembesar adat Johol; Kebawah Kaus Yang Teramat Mulia Undang Rembau, Dato’ Lela Maharaja, Dato’ Muhamad Sharip Othman dan pembesar adat Rembau; Yang Mulia Pemangku Undang Jelebu yang juga Dato’ Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari, Dato’ Mat Tarmizi Selamat dan pembesar adat Jelebu yang sudi menjadi sebahagian daripada kajian ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan wartawan di Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Johor serta kumpulan pengarang daripada Berita Harian yang bekerjasama membantu untuk menyiapkan kajian ini. Terima kasih turut dirakamkan kepada Kerajaan Malaysia, khususnya Kementerian Pendidikan kerana menaja pengajian ini bagi membolehkan penyelidikan dan kerja mendokumentasi sebahagian perihal institusi Undang Yang Empat di Negeri Sembilan dapat dilaksanakan. Akhir sekali, jutaan terima kasih dan penghargaan tidak terhingga kepada ibu, bapa dan isteri tersayang serta adik perempuan kerana memberikan sokongan, kasih sayang dan galakan kepada saya untuk tidak berputus asa dan meneruskan kajian ini sehingga ia berjaya disiapkan.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan		ii
Isi Kandungan		iv
Senarai Gambar Rajah		ix
Senarai Gambar Foto		xii
Senarai Peta		xvi
Senarai Jadual		xvii
Senarai Singkatan		xix
Glosari		xx
Abstrak		xxii
Abstract		xxiv

BAB 1 - PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	6
	1.2.1 Keperluan mengenal pasti ciri ruang pada Balai Undang	7
	1.2.2 Ketiadaan dokumen guna ruang penting pada Balai Undang	8
	1.2.3 Ketiadaan garis panduan guna ruang pada Balai Undang	9
	1.2.4 Jurang Penyelidikan	9
1.3	Matlamat Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Skop Penyelidikan	11
	1.5.1 Pengertian guna ruang pada Balai Undang	12
1.6	Batasan Penyelidikan	13
1.7	Soalan Penyelidikan	15
1.8	Metodologi	17
1.9	Organisasi Penyelidikan	19

BAB 2 - KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Definisi dan Konsep Adat Perpatih	23
2.3	Etnik Minangkabau dan Adatnya	33
	2.3.1 Etnik Minangkabau dan Adatnya di Sumatra Barat	34
	2.3.2 Etnik Minangkabau dan Adatnya di Negeri Sembilan	39
2.4	Institusi Pemerintah Melayu di Negeri Sembilan	44
	2.4.1 Institusi Undang Luak Sungei Ujong	47
	2.4.2 Institusi Undang Luak Jelebu	50
	2.4.3 Institusi Undang Luak Johol	51
	2.4.4 Institusi Undang Luak Rembau	53
2.5	Struktur Sosio Politik di Tanah Berundang	54
	2.5.1 Kedudukan Undang Mengikut Persekutuan dan Negeri	58
	2.5.2 Kuasa dan Peranan Undang Mengikut Adat Perpatih	61
2.6	Seni Bina Bangunan Minangkabau di Sumatra Barat	62
	2.6.1 Seni Bina Balai Adat Alam Minangkabau	65
2.7	Seni Bina Rumah Tradisional di Negeri Sembilan	68
	2.7.1 Seni Bina Balai Adat Undang di Negeri Sembilan	71
2.8	Konsep dan Prinsip Kediaman Rasmi Pemerintah	74
2.9	Rumusan	77

BAB 3 - METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	78
3.2	Metodologi Penyelidikan	78
	3.2.1 Penyelidikan Etnografi	80
3.3	Reka Bentuk Penyelidikan	81

3.4	Proses Penyelidikan	81
	3.4.1 Kajian Literatur	83
	3.4.2 Kajian Kes	83
3.5	Lokasi Penyelidikan	85
	3.5.1 Balai Undang di Negeri Sembilan	89
3.6	Pemerhatian dan Wawancara	92
3.7	Pengumpulan Maklumat	95
3.8	Analisis Maklumat	98
3.9	Rumusan	99

BAB 4 - KAJIAN KES BALAI UNDANG ADAT PERPATIH

4.1	Pengenalan	100
4.2	Latar Belakang Balai Undang Luak Rembau	101
	4.2.1 Seni Bina dan Bahan Binaan Balai Undang Luak Rembau	104
	4.2.2 Tataruang, Penggunaan dan Falsafahnya	108
	4.2.3 Keadaan Semasa Balai Undang Luak Rembau	114
4.3	Latar Belakang Balai Undang Luak Jelebu	115
	4.3.1 Seni Bina dan Bahan Binaan Balai Undang Luak Jelebu	117
	4.3.2 Tataruang, Penggunaan dan Falsafahnya	123
	4.3.3 Keadaan Semasa Balai Undang Luak Jelebu	146
4.4	Latar Belakang Balai Undang Luak Johol	147
	4.4.1 Seni Bina dan Bahan Binaan Balai Undang Luak Johol	149
	4.4.2 Tataruang, Penggunaan dan Falsafahnya	155
	4.4.3 Keadaan Semasa Balai Undang Luak Johol	166
4.5	Rumusan	168

BAB 5 - ANALISA DAN PENEMUAN

5.1	Pengenalan	169
5.2	Kaedah Analisa	170
	5.2.1 Ruang Pentadbiran	170
	5.2.2 Ruang Awam	171
	5.2.3 Ruang Peribadi	171
5.3	Guna Ruang Pada Balai Undang Adat Perpatih	173
	5.3.1 Balai Undang Luak Rembau	173
	5.3.2 Balai Undang Luak Jelebu	183
	5.3.3 Balai Undang Luak Johol	188
5.4	Penemuan	196
5.5	Rumusan	206

BAB 6 - KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	207
6.2	Manfaat Penyelidikan	208
6.3	Garis Panduan Ruang Pentadbiran	209
	6.3.1 Dewan atau Ruang Mengadap Undang	211
	6.3.2 Balai atau Ruang Khusus Pembesar Adat	212
	6.3.3 Astaka atau Ruang Alat Kebesaran	213
	6.3.4 Mahkamah atau Ruang Penghakiman Adat	213
	6.3.5 Pejabat Undang	214
6.4	Impak Garis Panduan Ruang Pentadbiran	214
6.5	Cadangan Kajian Akan Datang	217
	6.5.1 Guna Ruang Pada Balai Undang Luak Sungei Ujong	217
	6.5.2 Guna Ruang Pada Balai Tunku Besar Tampin	218

BIBLIOGRAFI **219**

LAMPIRAN **244**

SENARAI GAMBAR RAJAH **Halaman**

Gambar rajah 1.1	Penghasilan kepada soalan kajian	16
Gambar rajah 2.1	Hierarki struktur pentadbiran tradisional di Negeri Sembilan	56
Gambar rajah 2.2	Hierarki struktur pentadbiran moden di Negeri Sembilan	57
Gambar rajah 2.3	Fasa pembinaan rumah Minangkabau	64
Gambar rajah 3.1	Peringkat proses penyelidikan	82
Gambar rajah 3.2	Metodologi penyelidikan guna ruang pada Balai Undang di Negeri Sembilan	86
Gambar rajah 3.3	Aliran penyelidikan dan persembahan laporan laporan penyelidikan Balai Undang di Negeri Sembilan	87
Gambar rajah 4.1	Lukisan tidak berskala pelan lantai Balai Undang Luak Rembau di Rembau, Negeri Sembilan	110
Gambar rajah 4.2	Lukisan tidak berskala pelan tapak Balai Undang Luak Jelebu	118

Gambar rajah 4.3	Lukisan tidak berskala pelan lantai aras bawah Balai Besar di Balai Undang Luak Jelebu	139
Gambar rajah 4.4	Lukisan tidak berskala pelan lantai aras atas Balai Besar di Balai Undang Luak Jelebu	140
Gambar rajah 4.5	Lukisan tidak berskala pelan lantai Pejabat Dato' Lembaga di Balai Undang Luak Jelebu	141
Gambar rajah 4.6	Lukisan tidak berskala pelan lantai Balai Melintang di Balai Undang Luak Jelebu	142
Gambar rajah 4.7	Lukisan tidak berskala pelan lantai Balai Penghadapan di Balai Undang Luak Jelebu	143
Gambar rajah 4.8	Lukisan tidak berskala pelan lantai Balai Mengadap di Balai Undang Luak Jelebu	143
Gambar rajah 4.9	Lukisan tidak berskala pelan lantai Balai Serong di Balai Undang Luak Jelebu	144
Gambar rajah 4.10	Lukisan tidak berskala pelan lantai rumah pekerja di Balai Undang Luak Jelebu	144
Gambar rajah 4.11	Lukisan tidak berskala pelan lantai surau di Balai Undang Luak Jelebu	145
Gambar rajah 4.12	Lukisan tidak berskala pelan tapak Balai Undang Luak Johol	150

Gambar rajah 4.13	Lukisan tidak berskala pelan lantai aras bawah balai kediaman Balai Undang Luak Johol	163
Gambar rajah 4.14	Lukisan tidak berskala pelan lantai aras atas balai kediaman Balai Undang Luak Johol	164
Gambar rajah 4.15	Lukisan tidak berskala pelan lantai pejabat balai mengadap Balai Undang Luak Johol	165
Gambar rajah 5.1	Aturan perabot ruang Dewan Mengadap Balai Undang Luak Rembau.	177
Gambar rajah 5.2	Aturan perabot Mahkamah Adat Balai Undang Luak Rembau	178

SENARAI GAMBAR FOTO **Halaman**

Gambar foto 1.1	Balai Undang Syed Abdul Rahman di Seremban pada 1874	4
Gambar foto 2.1	Balai Adat Nagari Kacang. Balai adat itu adalah daripada jenis Laras Koto Piliang. Kelihatan anjung pada kiri dan kanan bangunan terbabit menandakan kedudukan penghulu bagi luak berkenaan	66
Gambar foto 2.2	Balai Adat Tabek. Seni binanya terbuka dan ruangnya sama. Ia menunjukkan balai adat itu adalah daripada jenis Laras Budi Caniago	67
Gambar foto 2.3	Istana Lama Seri Menanti yang dibina daripada kayu dan Istana Besar Seri Menanti yang dibina bercirikan seni bina kolonial	76
Gambar foto 4.1	Balai Undang Luak Rembau di Rembau, Negeri Sembilan	101
Gambar foto 4.2	Bangunan asal Balai Undang Luak Rembau yang dibina pada 1933	104
Gambar foto 4.3	Bangunan tambahan Balai Undang Luak Rembau yang dibina kontraktor JKR pada 1970-an. Dindingnya terdiri daripada pintu gelangsar kaca selain daripada pintu jenis berbingkai.	106

Gambar foto 4.4	Balai Undang Luak Jelebu di Kuala Klawang, Jelebu	115
Gambar foto 4.5	Balai Besar, Balai Undang Luak Jelebu	119
Gambar foto 4.6	Susunan perabot pada Balai Besar, Balai Undang Luak Jelebu	120
Gambar foto 4.7	Set almari berukir dalam bilik tidur Undang di Balai Besar, Balai Undang Luak Jelebu	121
Gambar foto 4.8	Balai Melintang di Balai Undang Luak Jelebu	124
Gambar foto 4.9	Almarhum Undang Musa menerima mengadap orang ramai pada majlis berbuka puasa di Balai Melintang, Balai Undang Luak Jelebu	125
Gambar foto 4.10	Balai Mengadap di Balai Undang Luak Jelebu	126
Gambar foto 4.11	Balai Penghadapan di Balai Undang Luak Jelebu	127
Gambar foto 4.12	Balai Serong (berwarna kuning) berhadapan dengan surau Balai Undang Luak Jelebu	129
Gambar foto 4.13	Balai Undang Luak Johol di Renggoh, Kuala Pilah	147
Gambar foto 4.14	Balai kediaman rasmi, Balai Undang Luak Johol	151

Gambar foto 4.15	Astaka alat kebesaran pemerintah dan pembesar Luak Johol	152
Gambar foto 4.16	Surau Balai Undang Luak Johol	153
Gambar foto 4.17	Pejabat balai mengadap Balai Undang Luak Johol	154
Gambar foto 5.1	Petaratna Undang di Dewan Mengadap Balai Undang Luak Rembau	180
Gambar foto 5.2	Mahkamah Adat Balai Undang Luak Rembau	180
Gambar foto 5.3	Mahkamah Adat di Balai Undang Luak Rembau. Aturan perabot diubah secara sementara pada ruang berkenaan bagi melancarkan satu majlis kerapatan pembesar adat Rembau ketika penyelidikan ini dibuat.	181
Gambar foto 5.4	Pejabat Undang di Balai Undang Luak Rembau	181
Gambar foto 5.5	Pejabat Undang di Balai Undang Luak Rembau	182
Gambar foto 5.6	Undang Muhamad Sharip menerima mengadap tetamu di Pejabat Undang di Balai Undang Luak Rembau.	182
Gambar foto 5.7	Pemangku Undang Luak Jelebu, Dato' Menteri Mat Tarmizi menunjukkan kedudukan peterana Undang di ruang serambi, Balai Besar Balai Undang Luak Jelebu.	185

Gambar foto 5.8	Pemangku Undang Luak Jelebu, Dato' Menteri Mat Tarmizi menerima mengadap di Ruang Mengadap Undang ketika penyelidikan dilaksanakan. Kelihatan Dato' Menteri Mat Tarmizi duduk di kerusi sofa panjang kuning emas.	187
Gambar foto 5.9	Pentas peterana Undang di Dewan Mengadap, Balai Undang Luak Johol	191
Gambar foto 5.10	Tataletak kerusi untuk pembesar adat Johol di Dewan Mengadap, Balai Undang Luak Johol	191
Gambar foto 5.11	Ruang Pejabat Setiausaha di Balai Undang Luak. Johol. Setiausaha kepada Undang Luak Johol sedang bekerja di ruang berkenaan	193
Gambar foto 5.12	Bilik mesyuarat dan bilik menunggu di Balai Undang Luak Johol	194

SENARAI PETA **Halaman**

Peta 1.1	Peta pembahagian sempadan daerah di Negeri Sembilan mengikut sistem pentadbiran moden dan sempadan wilayah yang mengamalkan Adat Perpatih.	2
Peta 2.1	Taburan wilayah Alam Minangkabau di Sumatra, Indonesia yang menjadi tempat asal usul masyarakat Minangkabau.	38
Peta 2.2	Peta pembahagian sempadan daerah di Negeri Sembilan mengikut sistem pentadbiran luak.	45
Peta 3.1	Kedudukan tiga Balai Undang di Negeri Sembilan yang diselidik dalam penyelidikan ini.	92

SENARAI JADUAL **Halaman**

Jadual 1.1	Soalan kajian dan objektif yang perlu dicapai	15
Jadual 1.2	Ringkasan objektif, masalah atau isu dan kaedah penyelidikan	18
Jadual 2.1	Lima konsep utama Adat Perpatih	32
Jadual 2.2	Suku dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan	42
Jadual 3.1	Senarai Balai Undang Adat Perpatih untuk Kajian	91
Jadual 4.1	Fungsi ruang Balai Undang Luak Rembau	111
Jadual 4.2	Fungsi ruang Balai Undang Luak Jelebu	133
Jadual 4.3	Fungsi ruang Balai Undang Luak Johol	157
Jadual 5.1	Pengkategorian guna ruang pada Balai Undang Luak Rembau	174
Jadual 5.2	Pengkategorian guna ruang pada Balai Undang Luak Jelebu	184
Jadual 5.3	Pengkategorian guna ruang pada Balai Undang Luak Johol	190
Jadual 5.4	Guna ruang penting pada tiga Balai Undang Adat Perpatih yang dikaji dalam penyelidikan ini	204

Jadual 5.5	Lima ruang penting harus diwujudkan pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan	205
Jadual 6.1	Garis panduan pembangunan ruang pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan	212

SENARAI SINGKATAN

ATM	Angkatan Tentera Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
EXCO	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
JKR	Jabatan Kerja Raya
JWN	Jabatan Warisan Negara
KALAM	Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu
LMNS	Lembaga Muzium Negeri Sembilan
MARDEC	Perbadanan Pembangunan Getah Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

GLOSARI

Buapak	Pembesar adat yang mengetuai perut dalam sesebuah suku
Lembaga	Pembesar adat yang mengetuai suku dalam sesebuah luak
Lembaga Tiang Balai	Pembesar adat yang mengetuai suku yang juga berperanan sebagai Jemaah Menteri kepada Undang
Luak	Wilayah adat atau jajahan sesuatu pentadbiran adat
Menyembah	Menjunjung, memperbesarkan pemerintah.
Pembesar-pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan	Undang Luak Sungei Ujong, Undang Luak Jelebu Undang Luak Johol, Undang Luak Rembau dan Tunku Besar Tampin
Perut	Satu unit keluarga lebih kecil yang berasal daripada keturunan moyang perempuan yang sama.
Peterana	Kerusi untuk pemerintah, orang yang dimuliakan.
Raja bagi Negeri Sembilan	Yang di-Pertuan Besar dan Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin
Suku	Satu unit keluarga yang besar dan berasal daripada moyang perempuan sama yang lebih tua atau terdahulu.

Tanah Berundang	Wilayah adat di Negeri Sembilan yang diperintah oleh Undang Yang Empat.
Tanah Mengandung	Wilayah adat di Negeri Sembilan yang diperintah oleh Yang di-Pertuan Besar
Undang Yang Empat	Undang Luak Sungei Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau
Yang di-Pertuan Besar	Raja yang dipilih oleh Undang Luak Sungei Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau

GUNA RUANG PENTADBIRAN PADA BALAI UNDANG ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

ABSTRAK

Balai Undang adalah bangunan Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan dikenali sebagai Undang. Balai Undang adalah sebahagian institusi Undang mengikut Adat Melayu Negeri Sembilan. Balai Undang berperanan sebagai bangunan pentadbiran, mahkamah, tempat pertemuan dan perundingan serta dewan persidangan Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan. Campur tangan pentadbiran British dan pemodenan sejak abad ke-19 mengubah peranan ruang pada Balai Undang Adat Perpatih. Selepas perubahan yang berlaku, guna ruang pada Balai Undang tidak pernah didokumen, menyebabkan Balai Undang terdedah kepada kesilapan guna ruang mengikut Adat Perpatih. Kajian ini menumpukan hubungan antara guna ruang pada Balai Undang dengan undang-undang moden mengenai Undang Yang Empat seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959. Kajian ini mengkaji ruang pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan, mengkategorikan ruang penting mengikut Adat Perpatih pada Balai Undang dan membangunkan garis panduan pembangunan ruang pentadbiran Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Penyelidikan dilaksanakan menggunakan kaedah etnografi terhadap tiga Balai Undang Adat Perpatih yang dipilih. Penyelidikan ini menggunakan gabungan kaedah meneliti kajian literatur dan kajian kes sebagai pendekatan utama dan dibantu dengan

wawancara tidak berstruktur dan terbuka dengan Pembesar Memerintah negeri dan pembesar Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Maklumat dibahagikan kepada dua iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh melalui kajian lapangan dan wawancara tidak berstruktur atau bebas. Data sekunder pula diperoleh dengan penelitian terhadap hasil kajian lalu, buku dan maklumat atas talian. Dapatan kajian dianalisis dan setiap guna ruang pada setiap Balai Undang dibuat perbandingan berdasarkan aktivitinya mengikut undang-undang moden. Penemuan kajian mendapati guna ruang pada Balai Undang Adat Perpatih adalah berdasarkan kedudukan Undang mengikut Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959. Ruang dalam Balai Undang Adat Perpatih digunakan mengikut fungsi dan kekuasaan Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan. Ruang pentadbiran dalam Balai Undang Adat Perpatih mempunyai refleksi sosio-politik terhadap Undang dan orang Melayu yang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran di Negeri Sembilan. Ruang pada Balai Undang Adat Perpatih yang dikategorikan ruang pentadbiran dimasukkan sebagai garis panduan pembangunan Balai Undang Adat Perpatih. Kewujudan ruang penting itu menjadi takrif untuk Balai Undang Adat Perpatih, namun tertakluk pada persetujuan Undang dan pembesar adat di bawahnya. Hasil penyelidikan ini telah mewujudkan satu garis panduan pembangunan Balai Undang Adat Perpatih dalam aspek seni bina di Negeri Sembilan.

THE USE OF ADMINISTRATIVE CHAMBER OF COURT OF UNDANG ADAT PERPATIH IN NEGERI SEMBILAN

ABSTRACT

Court of Undang is the building for the Ruling Chief of Negeri Sembilan known as Undang. The Court of Undang is part of the Undang institution according to Negeri Sembilan Malay custom. The Court of Undang play roles as an administrative building, court hall, meeting and discussion point as well as the legislature hall for the Ruling Chief of Negeri Sembilan. The administrative interference by British and the modernization occurred since the 19th century has changed the role of chamber in the Court of Undang Adat Perpatih. After the changes, the use of chamber in the Court of Undang was no longer documented. This caused the Court of Undang to be exposed to the wrongful use of chamber according to Malay customs of Adat Perpatih. The study is focusing on the connection between the use of chamber in the Court of Undang and the modern laws according to the Four Undangs as engraved in the Federal Constitution and Laws of the Constitution of Negeri Sembilan 1959. The study is on the use of chamber in the Court of Undang Adat Perpatih in Negeri Sembilan, classifying the importance of chamber based on the Adat Perpatih in Court of Undang and developing a guideline in the development of administrative chamber in the Court of Undang Adat Perpatih in Negeri Sembilan. This research is being done using ethnography method on three Court of Undang Adat Perpatih chosen for the study. This research is using the

combination of literature research method and case study as the main approach and aided by the unstructural and open interviews with the state Ruling Chief and the Negeri Sembilan Adat Perpatih dignitary. The information is being divided to two-primer data and secondary data. Primer data was obtained through field study and the unstructural and open interviews while secondary data was obtained through observation on past studies, books and online research. The findings were then analysed and every use of the chamber in every Court of Undang were done based on the comparison of its activities according to the modern laws. The study finds that the use of chamber in the Court of Undang Adat Perpatih is based on the status of the Undang according to the Federal Constitution and Laws of the Constitution of Negeri Sembilan 1959. The chamber in the Court of Undang Adat Perpatih used based on its function and the power of the Ruling Chief of Negeri Sembilan. The administrative chamber in the Court of Undang Adat Perpatih has reflection on socio-politic towards Undang and the Malays of importance hierarchy, titles in Negeri Sembilan. The chamber in the Court of Undang Adat Perpatih that been categorised as administrative chamber is included in the Court of Undang Adat Perpatih development guideline. The existence of this important chamber is defined for the Court of Undang Adat Perpatih, but it depends on the agreement of Undang and minor chiefs under him. The finding of this study has created a development guideline for the Court of Undang Adat Perpatih in architecture in Negeri Sembilan.

BAB SATU


PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Undang adalah Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan (Akta Tafsiran 1948 dan 1967, 2016). Mengikut Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan, Undang bersama Yang di-Pertuan Besar dan Tunku Besar Tampin adalah pemerintah di Negeri Sembilan. Abdul Samad pada 1987 berhujah, kedudukan institusi pemerintah di Negeri Sembilan adalah unik kerana ia dipilih dan ditabalkan berdasarkan kepada undang-undang Melayu tradisionalnya sendiri. Berdasarkan sistem pemerintahan di Negeri Sembilan, pemerintah utamanya dikenali sebagai Yang di-Pertuan Besar, dipilih oleh Undang Yang Empat, yang mana setiap Undang itu adalah pemerintah berdaulat dalam luhak atau luak masing-masing (Abdul Samad, 1987).

Negeri Sembilan selaku negeri Melayu yang diketahui mengamalkan Adat Perpatih, dibahagikan mengikut daerah tradisional yang dipanggil luhak atau luak selain sempadan daerah mengikut pentadbiran moden seperti yang ditunjukkan pada gambar peta 1.1. Setiap luak diperintah oleh pemimpin yang dipanggil penghulu luak (Abdul Rahman, 1964). Bagaimanapun di Negeri Sembilan, terdapat empat penghulu luak menjadi Pembesar Memerintah negeri itu, dikenali sebagai Undang Yang Empat.

Undang Yang Empat ialah, Undang Luak Sungei Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Rembau dan Undang Luak Johol. Undang Yang Empat selaku Pembesar Memerintah bagi negeri mempunyai kuasa persetujuan dalam perkara berkaitan hal ehwal agama Islam dan adat Melayu di Negeri Sembilan, melantik Menteri Besar serta melaksanakan pelbagai tugas rasmi negeri yang lain, seperti yang diperuntukkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959.



Peta 1.1: Peta pembahagian sempadan daerah di Negeri Sembilan mengikut sistem pentadbiran moden dan sempadan wilayah yang mengamalkan Adat Perpatih. (Sumber: Norhalim, 1993)

Berdasarkan hujah Abdul Rahman (1964), Undang adalah pemerintah yang memerintah dari bangunan dikenali sebagai Balai Undang, di mana ia terletak dalam kampung asal nasab ibu kandung Undang itu yang dipanggil Tanah Lingkungan atau Teratak. Kepentingan Balai Undang ditakrifkan dengan jelas melalui perbidalan Melayu negeri itu yang berbunyi *Undang memerintah dengan bersabda di Balai*. Abdul Rahman menegaskan perbidalan itu merujuk tempat Undang memerintah secara berunding dengan pembesarnya dalam luak terbabit. Perkataan Undang *bersabda* itu diertikan Abdul Rahman sebagai *berunding*. Balai Undang pula dikatakan sebagai dewan perundingan yang menjadi tempat pertemuan Undang dengan Lembaga.

Raja Nafida (1999) merujuk kediaman rasmi Undang sebagai Balai Adat dan bukannya Balai Undang. Ini kerana bangunan itu berfungsi sebagai kediaman dan tempat perbincangan. Peranan kediaman Undang yang menjadi lokasi pertemuan orang ramai membincangkan adat selain tempat tinggal menjadikan bangunan yang diduduki Undang harus dikenali sebagai Balai Adat (Raja Nafida, 1999). Undang adalah hierarki tertinggi sesebuah luak mengikut adat Melayu di Negeri Sembilan dan menjadi hakim yang berkuasa memutuskan penyelesaian masalah dalam luaknya. Berikutan status Undang sebagai hakim, kediamannya dijadikan mahkamah dan juga tempat tahanan kepada pesalah, di mana pesalah akan bekerja sebagai hamba abdi di kediaman Undang (Wong dan Patel, 1992).

Justeru itu, berdasarkan takrifan kajian lalu dan peruntukan undang-undang mengenai Undang di Negeri Sembilan, Balai Undang adalah kompleks bangunan yang mempunyai kedudukan tinggi dan mulia di negeri Melayu berkenaan. Balai Undang berperanan sebagai pejabat pentadbiran, mahkamah, tempat pertemuan dan perundingan serta dewan persidangan antara Undang dengan pembesarnya yang mewakili masyarakat Melayu di Negeri Sembilan (Undang Muhamad Sharip, 2015). Berikutan status Balai Undang itu mulia di sisi adat, maka guna ruang dalam bangunan berkenaan direka supaya harmoni dengan kehendak Adat Perpatih dan menepati keperluan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan (Undang Muhammed, 2016).



Gambar foto 1.1: Balai Undang Syed Abdul Rahman di Seremban pada 1874.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia, 2013)

Penerapan adat Melayu di Negeri Sembilan dalam bidang seni bina jelas digambarkan melalui pembinaan istana Yang di-Pertuan Besar dan Balai Undang seperti Balai Undang Syed Abdul Rahman pada gambar foto 1.1.

Bangunan yang dibina sangat menekankan konsep pembahagian ruang berdasarkan fungsinya mengikut pentadbiran adat Melayu di negeri itu. Raja Nafida (1999) menjelaskan wujud unsur penting salah satu adat di negeri itu iaitu Adat Perpatih dalam Balai Undang. Ia termasuk kewujudan ruang serambi hujung dan pangkal yang dipisahkan berdasarkan kepentingan, hierarki pemimpin kepada masyarakat dalam sesebuah luak itu.

Pemisahan serambi itu dinyatakan juga dalam perbidalan Melayu lama negeri itu yang menyebut *pangkal untuk orang adat, hujung untuk orang syarak dan penghulu* yang membuktikan serambi hujung adalah ruang mulia dan terhormat dalam sesebuah Balai Undang. Selain itu, pembinaan Istana Yang di-Pertuan Besar dan Balai Undang dilakukan dengan bahagian hadapan bangunan mengadap matahari terbit atau sawah padi sejajar dengan konsep adat yang menekankan dua eleman itu sebagai punca kemakmuran sesebuah luak atau rezeki. Malah, terdapat juga beberapa Balai Undang yang dibina dengan kedudukan simetri bangunannya selari dengan matahari terbit dan puncak bukit atau gunung tertinggi dalam sesebuah luak berkenaan, yang mana menggambarkan Undang sebagai individu berstatus tertinggi dalam kelompok masyarakat di Negeri Sembilan (Raja Nafida, 1999).

Dasar campur tangan British di Tanah Melayu yang bermula sejak Januari 1874 menandakan bermulanya kemerosotan adat resam Melayu dan secara perlahan digantikan dengan bentuk pemerintahan, ekonomi dan sosio budaya mengikut

acuan Inggeris (Emerson, 1987). Akibatnya, banyak pengetahuan berasaskan kepakaran tempatan termasuk bidang seni bina berubah dengan pengabaian nilai asalnya. Shamsul Amri pada 2007, menegaskan bahawa falsafah asal adat di Negeri Sembilan dirosakkan dengan pengenalan pentadbiran moden. Perkara berkenaan sekaligus mengubah tatanegara masyarakat Negeri Sembilan menyebabkan setiap luak ditadbir dengan dua cara iaitu tradisional dan moden, di mana adat Melayu negeri itu dikategorikan sebagai pentadbiran tradisional (Shamsul Amri, 2007).

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Raja Nafida (1999) menegaskan dalam kajiannya yang merujuk Balai Undang sebagai Balai Adat, bahawa sudah banyak bangunan itu musnah serta ditinggalkan akibat kesilapan penduduk Negeri Sembilan yang tidak lagi menilai seni warisan tersebut. Balai Undang juga sudah mengalami perubahan akibat perubahan sistem politik, di mana kuasa Undang sebagai Pembesar Memerintah sudah terbatas akibat pengenalan dasar baharu yang diperkenalkan British. Selain itu, Adat Perpatih yang mendukungi teras kewujudan Balai Undang sudah berubah disebabkan unsur agama Islam, urbanisasi dan percampuran dengan budaya luar dari Negeri Sembilan (Raja Nafida, 1999).

Kajian oleh Raja Nafida pada 1999 itu turut mendedahkan susun atur ruang pada Balai Undang moden gagal menyediakan ruang penting untuk adat istiadat seperti tempat peletakan peterana atau takhta, balai mengadap dan tempat untuk

isteri Undang yang dikenali sebagai Toh Puan. Penyusutan kuasa pemerintahan Undang menerusi campur tangan British dalam hal ehwal pentadbiran dan ekonomi di Negeri Sembilan turut menyumbang kepada kemerosotan nilai seni bina berpaksikan Adat Perpatih dalam kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Balai Undang adalah antara bangunan pemerintah di negeri Melayu itu yang paling teruk menerima kesan campur tangan pentadbiran British (Raja Nafida, 1999). Ini kerana sifat Balai Undang sangat berkait rapat dengan kekuasaan orang Melayu di Negeri Sembilan (Dato' Laksamana Sungei Ujong Shaharumzaman, 2015). Maka, masalah berkenaan boleh dirumuskan kepada tiga perkara iaitu:

1.2.1 Keperluan mengenal pasti ciri ruang pada Balai Undang

Raja Nafida (1999) berkata, pengaruh British mengakibatkan ciri tradisional pada Balai Undang terjejas, termasuk ruang khusus untuk Adat Perpatih itu sendiri. Reka bentuk Balai Undang baharu diterapkan seni bina kolonial oleh jurubina lantikan British. Perkara berkenaan menghilangkan ciri sebenar penggunaan ruang Balai Undang berlandaskan adat Melayu di Negeri Sembilan. British juga secara tidak langsung mempengaruhi pembesar Melayu dengan memberikan elaun dan pengiktirafan, di mana antara pengiktirafan itu ialah kesediaan membina kediaman yang mempunyai unsur seni bina kolonial. Ruang yang lebih luas untuk memudahkan peletakan perabot moden dan pengenalan penggunaan tandas yang moden menyebabkan seni bina kolonial senang diterima (Vlatseas, 1989).

Alasan lain yang menyebabkan pengenalan seni bina kolonial ini mudah diterima ialah anggapan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan terutamanya pembesar yang memandang tinggi kepada peradaban Barat yang dibawa British. Ia meliputi corak pentadbiran, sistem ekonomi yang sememangnya mempengaruhi konsep seni bina bangunan (Shamsul Amri, 2007). Mereka beranggapan sedemikian kerana mahu menjadi masyarakat moden dan dipandang tinggi. Sehubungan itu, ciri khusus ruang pada Balai Undang terhapus kerana ruang untuk aktiviti Adat Perpatih pada Balai Undang menjadi ruang sampingan sahaja dalam Balai Undang yang diperkenalkan oleh pentadbir British (Raja Nafida, 1999).

1.2.2 Ketiadaan dokumen guna ruang penting pada Balai Undang

Ketiadaan dokumen mengenai kepentingan ruang pada Balai Undang menyebabkan berlakunya pengabaian ruang penting dalam Balai Undang. Raja Nafida (1999) berkata, ruang pada Balai Undang Adat Perpatih yang diwujudkan ketika penjajahan British dan selepas merdeka, ia disusun mengikut selera tuan rumah. Susun atur ruang menjadi formal dan tempat meletakkan peterana sebagai tempat mengadap Undang yang menjadi ruang terpenting, diabaikan. Reka bentuk dan susunan ruang tidak lagi mengambil berat akan kedudukan Undang selaku Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan. Pemodenan juga menyebabkan wujudnya sekatan bagi mewujudkan ruang tertentu dalam Balai Undang Adat Perpatih.

Ketiadaan dokumen mengenai kepentingan penggunaan ruang turut mengakibatkan perancangan susun atur dan guna ruang pada Balai Undang moden tidak lagi mempunyai displinnya mengikut Adat Perpatih. Raja Nafida pada 1999 berkata, susunan ruang pada Balai Undang baharu adalah bercampur aduk. Ianya berbeza dengan Balai Undang tradisional yang mempunyai gaya, susunan dan disiplin yang lebih jelas.

1.2.3 Ketiadaan garis panduan guna ruang pada Balai Undang

Tiada garis panduan guna ruang pada Balai Undang yang bersepadanan kehendak adat Melayu negeri itu. Garis panduan Balai Undang perlu supaya penjelasan lebih mudah dapat difahami, khususnya mereka yang terbabit dengan kerja pembangunan dan pemuliharaan Balai Undang. Panduan yang dihasilkan ini juga dapat dijadikan panduan kepada pemilik Balai Undang daripada sudut teknikal. Kewujudan ruang pada Balai Undang harus disesuaikan dengan keperluan pasca moden.

1.2.4 Jurang Penyelidikan

Berdasarkan kenyataan masalah, jurang penyelidikan yang wujud ialah hubungan antara guna ruang pada Balai Undang dengan keperluan sistem politik dan undang-undang moden. Ruang dalaman dan aktivitinya serta fungsi seni bina pada Balai Undang mempunyai hubung kait dengan peranan Undang Yang Empat mengikut Adat Perpatih, khususnya Adat Perpatih yang diterapkan dalam undang-undang moden Malaysia. Namun berdasarkan kajian lalu, seni

bina Balai Undang di Negeri Sembilan, terutama guna ruangnya tidak disentuh menerusi Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, kecuali pada aspek Adat Perpatih berdasarkan budaya setempat semata-mata.

1.3 MATLAMAT KAJIAN

Penyelidikan ini berupaya menyumbang ke arah mencapai beberapa matlamat asas pembangunan guna ruang yang diperlukan di Balai Undang mengikut kehendak Adat Perpatih. Penyelidikan dan penghasilan dokumen mengenai penggunaan ruang pada Balai Undang dapat melengkapkan keperluan garis panduan bagi seni bina bangunan berkenaan yang pernah dinyatakan dalam penyelidikan terdahulu. Selain itu, penyediaan contoh sistem pendokumentasian kerja pada setiap kategori Balai Undang dalam kajian ini juga boleh dimanfaatkan pada sebarang bangunan berkaitan pemerintah Melayu di negara ini. Pada masa sama, sumbangan penyelidikan ini turut dapat memberikan satu hasil sampingan lain iaitu dalam penyediaan inventori bangunan pemerintah yang terdapat di Malaysia, sekaligus memberi capaian mudah kepada mereka yang berminat menjalankan penyelidikan terhadap bangunan jenis itu melalui kajian lapangan yang dilakukan. Hasil daripada kajian ini turut membantu dalam memperjelaskan prinsip dan amalan pendekatan dalam penggunaan ruang pada Balai Undang dalam konteks undang-undang dan Adat Perpatih di Negeri Sembilan, sekaligus membantu merangka garis panduan bagi pembangunan Balai Undang pada masa akan datang.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk mendapatkan beberapa objektif yang sudah ditetapkan, sekaligus mengenal pasti dan menjawab kenyataan masalah yang ditimbulkan. Tiga objektif yang harus dicapai dalam penyelidikan ini ialah: -

i) Mengkaji ruang pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

ii) Menganalisa dan mengkategorikan ruang penting mengikut aktiviti Adat Perpatih pada Balai Undang di Negeri Sembilan.

iii) Membangunkan garis panduan pembangunan ruang pentadbiran pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

1.5 SKOP PENYELIDIKAN

Skop penyelidikan ini adalah membabitkan tiga Balai Undang di tiga luak yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan iaitu, Luak Jelebu, Luak Johol dan Luak Rembau. Tiga Balai Undang berkenaan dipilih kerana ia diperintah oleh Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih dan berstatus aktif. Justeru, penyelidikan ini memberi tumpuan kepada perbandingan mengikut aspek penggunaan ruang pentadbiran pada bangunan Balai Undang mengikut Adat Perpatih. Raja Nafida (1999) menggariskan bahawa Balai Undang di Negeri Sembilan dibahagikan kepada tiga peringkat tempoh pembinaan dan pembangunannya. Pembahagian tiga tempoh Balai Undang itu ialah: -

i) Balai Undang di Negeri Sembilan peringkat tradisional (dibina antara 1880 hingga 1930).

ii) Balai Undang di Negeri Sembilan peringkat transisi (dibina antara 1932 hingga 1953).

iii) Balai Undang di Negeri Sembilan peringkat pasca merdeka (dibina selepas 1957 hingga sekarang).

Penyelidikan guna ruang pentadbiran pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan ini menumpukan Balai Undang peringkat pasca merdeka, iaitu Balai Undang Adat Perpatih yang sedang digunakan oleh Undang selaku Pembesar Memerintah bagi negeri. Kajian ini tidak boleh mengabaikan inisiatif mengkaji sosio budaya, politik, pentadbiran, sejarah dalam lingkungan Adat Perpatih dan undang-undang. Ia berikutan bangunan berkenaan adalah sebahagian daripada Adat Perpatih dan institusi Undang Yang Empat di Negeri Sembilan (Raja Nafida, 1999).

1.5.1 Pengertian guna ruang pada Balai Undang

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, ruang bermaksud ruangan pada tempat yang lapang, bilik, ruang dalam rumah atau bangunan yang bersekat dengan dinding dan berpintu. Selain itu, ia juga boleh merujuk kepada ruang yang tersekat atau petak kecil dalam bangunan. Mengikut Mohan (2006), ruang adalah isipadu tertentu dengan bentuk tertentu yang bertujuan untuk aktiviti kemanusiaan.

Menurut Mohan, alam semula jadi memperuntukkan ruang seperti lembah, gua dan hutan untuk aktiviti kemanusiaan. Bagaimanapun, ia bukanlah sebahagian daripada seni bina. Ruang pada seni bina adalah buatan manusia yang dihasilkan daripada bahan yang efisien pada aspek teknikalnya dan memuaskan mengikut aspek estetika (Mohan, 2006). Sementara itu, perkataan guna pada

maksudnya mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) ialah sesuatu yang mendatangkan faedah dan manfaat. Kata guna turut merujuk kepada tujuan atau maksud daripada sesuatu yang ada atau pun sesuatu yang memberi pengaruh. Sehubungan itu, perkataan guna ruang dalam penyelidikan ini berdasarkan takrifan kata ‘guna’ dan ‘ruang’ dalam rujukan terdahulu dalam penyelidikan ini diertikan sebagai fungsi atau manfaat petak dalam bangunan. Berikutan penyelidikan ini menumpukan guna ruang pentadbiran, maka takrifan kata ‘guna ruang’ itu dalam kajian ini ialah fungsi pentadbiran atau manfaat petak pentadbiran yang wujud dalam Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

1.6 BATASAN PENYELIDIKAN

Bagi menjalankan penyelidikan ini, beberapa halangan dikenal pasti di mana ia menjadi batasan untuk melengkapkan kajian secara terperinci. Halangan pertama adalah sumber maklumat terhad terutamanya dalam usaha mendapatkan maklumat secara langsung daripada Undang terbabit yang mendiami Balai Undang itu sendiri. Dalam kajian ini Pemangku Undang Luak Jelebu, Dato’ Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari, Orang Besar Balai Undang Luak Johol, Dato’ Jenang dan Orang Besar Undang Rembau, Dato’ Shahbandar menghadkan maklumat langsung berhubung Balai Undang. Berikutan itu, kebanyakan maklumat yang diperolehi adalah menerusi kajian literatur pada Bab 2 dan penelitian terhadap dokumentasi lama. Selain itu, ada sesetengah Balai Undang yang sudah tidak wujud akibat runtuh, dirobohkan dan sebagainya.

Ada juga yang tidak pernah didokumenkan, di mana maklumat asas bangunannya diragui. Sebahagian subjek untuk kajian lapangan bagi meneliti penggunaan ruang juga sukar dilaksanakan. Ini kerana, hanya ruang tertentu sahaja dibenarkan masuk selain ada maklumat tertentu berkaitan guna ruang tidak boleh didedahkan oleh Pemangku Undang Luak Jelebu, Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari, Orang Besar Balai Undang Luak Johol, Dato' Jenang dan Orang Besar Undang Rembau, Dato' Shahbandar.

Ia menghadkan peluang untuk mendokumenkan secara terperinci guna ruang pada Balai Undang. Selain itu, fungsi ruang hanya diberitahu oleh pemberi maklumat tanpa disertakan dengan keluasan ruang, ketinggian ruang, jenis kemasan lantai, siling dan perabot yang digunakan dalam ruang berkenaan. Kekangan memasuki ruang dalam Balai Undang juga menyebabkan kerja pemerhatian hanya dapat dilakukan di sebelah luar bangunan dan pemerhatian tidak semestinya tepat dengan ruang di bahagian dalam Balai Undang berkenaan.

Dalam pada itu, faktor keselamatan dan peribadi membabitkan Undang turut menjadi punca kepada batasan kajian. Tidak semua maklumat seni bina Balai Undang terutama berkaitan ruang boleh disalurkan kepada pengkaji kerana bimbang ia didedahkan kepada umum. Halangan lain yang dikenal pasti ialah keaslian bangunan Balai Undang sukar dikaji berikutan pengubahsuaian secara keterlaluan oleh pemiliknya atau Balai Undang itu sudah terlalu uzur.


1.7 SOALAN PENYELIDIKAN

Soalan penyelidikan adalah bahagian penting bagi mengenal pasti masalah yang timbul dan seterusnya membentuk objektif sesebuah penyelidikan (Berg dan Lune, 2012). Soalan penyelidikan tidak mungkin dapat direka tanpa penyelidik memahami permasalahan yang timbul. Apabila permasalahan timbul, maka persoalan dibangkitkan daripadanya, sekaligus menjurus kepada usaha mewujudkan penyelidikan bagi mendapatkan jawapan dan penyelesaiannya. Penyiasatan, penelitian kajian literatur dan tinjauan sendiri terhadap masalah itu dilaksanakan bagi merangka soalan penyelidikan (Berg dan Lune (2012). Penyelidikan berhubung seni bina Balai Undang dihasilkan berdasarkan kepada tiga soalan kajian. Ia membawa kepada pembentukan objektif bagi penyelidikan ini. Soalan kajian penyelidikan ini boleh dirujuk menerusi Jadual 1.1: -

Jadual 1.1: Soalan kajian dan objektif yang perlu dicapai:

SOALAN KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN
Apakah ruang yang ada pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan?	Mengkaji ruang pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan.
Bagaimanakah ruang pada Balai Undang Adat Perpatih dikategorikan penting?	Menganalisa dan mengkategorikan ruang penting mengikut aktiviti Adat Perpatih pada Balai Undang di Negeri Sembilan.
Apakah garis panduan pembangunan ruang pentadbiran bagi Balai Undang Adat Perpatih?	Membangunkan garis panduan pembangunan ruang pentadbiran pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Kenyataan masalah yang mewujudkan soalan kajian, membawa kepada objektif dan metodologi penyelidikan Balai Undang di Negeri Sembilan boleh dirujuk menerusi gambar rajah 1.1:



Gambar rajah 1.1: Penghasilan kepada soalan kajian

1.8 METODOLOGI

Metodologi harus diberi tumpuan supaya penyelidikan yang dilakukan, berupaya memenuhi objektif yang ditetapkan. Kepentingannya dinyatakan dengan jelas oleh Berg dan Lune (2012) yang menyebut metodologi sebagai rancangan mengenai bagaimana untuk mengkaji sesuatu perkara, sekaligus membolehkan kesimpulan dapat dicapai. Berdasarkan permasalahan dan objektif yang dibangkitkan, kajian ini adalah tertumpu kepada guna ruang pentadbiran pada Balai Undang Adat Perpatih selaku pemboleh ubah tak bersandar. Sehubungan itu, bagi mencapai objektif penyelidikan ini, pemboleh ubah bersandar yang diselidiki dalam kajian ini ialah ruang penting pada tiga Balai Undang Adat Perpatih yang diwujudkan pada dua era yang berlainan.

Tujuannya adalah untuk mengenalpasti ruang pentadbiran yang ada pada ketiga-tiga Balai Undang terbabit dan mengetahui kepentingannya mengikut Adat Perpatih pada setiap era itu. Justeru, kajian menggunakan metodologi etnografi diputuskan paling sesuai bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Etnografi adalah kaedah kajian mengenai kepercayaan, interaksi sosial dan sikap sesuatu kumpulan subjek. Tujuannya adalah untuk memahami dan menerangkan sifat sekumpulan manusia dalam dunianya itu menerusi pelbagai konteks. Kaedah penyelidikan etnografi adalah sangat mempengaruhi pelbagai disiplin kajian. Ia melibatkan pemerhatian, temu bual dan pentafsiran yang bertujuan menyiasat subjek kajian (Whitehead, 2005). Ia membentuk objektif penyelidikan dan diatur mengikut susunan kepentingan dan kesesuaian kepada kajian.

Pada penyelidikan ini, pemboleh ubah bersandar lain yang dikaji adalah undang-undang negara, Adat Perpatih, sejarah dan sistem politik tradisional di negeri itu dan pengaruh Minangkabau dan British. Umumnya dua jenis maklumat diperlukan, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer untuk semua pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini diselidiki menerusi kajian kes, sesi wawancara tidak berstruktur dan perbincangan sebagai maklumat semasa. Manakala data sekunder pula, maklumat mengenai pemboleh ubah bersandar kajian ini diperoleh daripada kajian literatur seperti buku, jurnal, data dalam talian sebagai pelengkap kajian dan literatur tesis. Semua pemboleh ubah bersandar penting untuk dikaji bagi mendapatkan pemahaman jelas berhubung guna ruang pada Balai Undang Adat Perpatih. Ringkasan objektif, masalah atau isu dan kaedah penyelidikan ini boleh dilihat dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Ringkasan objektif, masalah atau isu dan kaedah penyelidikan

OBJEKTIF	MASALAH/ISU	KAEDAH PENYELIDIKAN
Mengkaji ruang pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Menganalisa dan mengkategorikan ruang penting mengikut aktiviti Adat Perpatih pada Balai Undang di Negeri Sembilan. Membangunkan garis panduan pembangunan ruang pentadbiran pada Balai Undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan.	Keperluan mengenal pasti ciri ruang pada Balai Undang. Ketiadaan dokumen guna ruang penting pada Balai Undang. Ketiadaan garis panduan guna ruang pada Balai Undang.	Penyelidikan Secara Etnografi membabitkan: - Pemerhatian menerusi kajian kes di lapangan Wawancara tidak berstruktur dan perbincangan berkaitan Balai Undang Adat Perpatih. Pentafsiran maklumat dokumen seperti piagam yang diguna pakai, buku, pangkalan data atas-talian.

1.9 ORGANISASI PENYELIDIKAN

Bahagian ini membincangkan mengenai kandungan tesis penyelidikan ini secara umum. Bagi mencapai maksud serta huraian lanjut berkenaan dengan aktiviti penyelidikan, tesis ini disusun dalam enam bab. Kesemuanya diringkaskan kandungannya supaya gambaran kasar kepada kandungan tesis ini dapat difahami oleh pembaca. Dimulakan dengan Bab 1 yang merupakan latar belakang dan pendahuluan kepada penyelidikan serta menerangkan kandungan laporan penyelidikan secara ringkas. Secara keseluruhannya bab ini hanyalah bahagian awalan kepada kajian yang dijalankan. Ianya memperkenalkan kepada pembaca tentang perkara yang dikaji dan ditulis dalam tesis penyelidikan ini.

Dimulakan dengan pengenalan kepada latar belakang kajian, kenyataan masalah, objektif, batasan kajian, skop penyelidikan, soalan penyelidikan dan metodologi kajian yang diterangkan secara ringkas. Ia seterusnya diakhiri dengan memperkenalkan pembaca kepada struktur penyelidikan ini. Bab 2 pula merupakan kajian literatur yang membincangkan dan meninjau kembali mengenai Adat Alam Minangkabau, Adat Perpatih dan perihal orang Minangkabau di Sumatra Barat, Indonesia dan Negeri Sembilan. Secara umumnya, kandungan bahagian ini meninjau tentang definisi, konsep, teori dan prinsip adat yang diamalkan orang Minangkabau di Sumatra Barat dan kemudiannya di Negeri Sembilan. Proses evolusi adat, ekonomi dan sistem bermasyarakat, pengaruh Islam dalam bidang sosial, budaya dan pentadbiran kepada sesebuah negara termasuk mengikut hukum Adat Perpatih turut dikupas.

Sumber bagi penulisan dalam Bab 2 kebanyakannya datang daripada bahan bacaan yang ditulis penyelidik terdahulu. Ia diambil daripada buku rujukan kepada seni bina, buku berkaitan undang-undang Melayu tradisional, dokumen mengenai sistem pemerintah di negara ini, pemuliharaan bangunan warisan, jurnal tempatan dan antarabangsa serta carian maklumat menerusi talian. Sumber lain yang menyumbang kepada Bab 2 ialah wawancara dengan sejarawan tempatan dan juga ahli akademik yang mahir dalam hal ehwal Minangkabau.

Bahagian ini turut mengetengahkan tentang institusi Undang secara umum, mengandungi sejarah, keistimewaan dan hubungannya dengan orang Negeri Sembilan. Asal usul kepada kewujudan institusi Undang dikupas. Kedudukan Undang Yang Empat sebagai Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan juga diperjelaskan menerusi Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959. Hubungan Undang Yang Empat dengan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri diterangkan dalam gambar rajah yang disertakan. Selain itu, peranan Undang Yang Empat dalam pemerintahan Malaysia, khususnya Negeri Sembilan diterangkan dengan lebih lanjut. Bab 2 turut menelusuri seni bina bangunan pentadbiran yang digunakan pembesar adat seperti Balai Adat dan rumah kediaman dalam konsep Adat Alam Minangkabau di Sumatra Barat, Indonesia dan Adat Melayu di Negeri Sembilan.

Ia meliputi bentuk pembangunan, kejuruteraan dan falsafah seni bina yang digunapakai orang Minangkabau untuk membina bangunan terutama untuk kediaman. Malah, peranan dan konsep kewujudan kediaman rasmi bagi institusi pemerintah yang lebih dikenali di negara ini sebagai istana, juga dibincangkan secara mendalam pada bahagian ini sebelum diakhiri dengan rumusan. Bab 3 menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan ini.

Proses, sampel dan responden penyelidikan turut dinyatakan. Kandungan penulisan tesis penyelidikan ini seterusnya dilengkapkan dengan tiga kajian kes membabitkan kategori subjek dan seterusnya membentuk kepada penulisan pada Bab 4 dalam penyelidikan ini. Struktur pada Bab 4 dimulakan dengan pengenalan kepada subjek termasuklah latar belakang dan sejarahnya, bahan binaan dan keadaan semasa bangunan.

Penekanan ditumpukan kepada penggunaan ruang pada subjek dan diakhiri dengan perbincangan isu dan masalah yang dihadapi dalam konsep ruang dan pembangunan subjek. Bab 5 membentangkan analisa dan penemuan hasil kaji selidik. Bab berkenaan membolehkan semua soalan penyelidikan yang dirangka pada Bab 1 dijawab dan kemudian dirumuskan secara keseluruhannya dalam Bab 6. Menerusi Bab 6, objektif kepada penyelidikan ini dipenuhi dan disusuli dengan beberapa cadangan yang boleh membantu mana-mana pihak yang mahu menjalankan penyelidikan lanjutan berhubung subjek.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Adat Perpatih mempunyai hubungan rapat dengan institusi pemerintahan di Negeri Sembilan. Adat Perpatih yang sudah berakar umbi dalam kehidupan penduduk Negeri Sembilan telah membentuk satu sistem pemerintahan konfederasi, terdiri daripada Yang di-Pertuan Besar, Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin (Norhalim, 2011). Bab ini membincangkan mengenai Adat Alam Minangkabau, Adat Perpatih dan perihal orang Minangkabau di Sumatra Barat, Indonesia dan Negeri Sembilan. Bahagian ini meninjau definisi, konsep, teori dan adat yang diamalkan orang Minangkabau di Sumatra Barat dan kemudiannya di Negeri Sembilan. Proses evolusi adat, ekonomi dan sistem bermasyarakat, pengaruh Islam dalam bidang sosial, budaya dan pentadbiran kepada sesebuah negara termasuk mengikut hukum Adat Perpatih turut dikupas. Kedudukan Undang Yang Empat dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 diperjelaskan. Selain itu, bab ini menelusuri seni bina bangunan pemerintah seperti Balai Adat dan kediamannya mengikut Adat Alam Minangkabau dan adat di Negeri Sembilan. Ia meliputi pembangunan, kejuruteraan dan falsafah seni bina oleh orang Minangkabau. Peranan dan konsep kewujudan kediaman rasmi bagi institusi pemerintah yang lebih dikenali di negara ini sebagai istana, juga dibincangkan secara mendalam pada bahagian ini sebelum diakhiri dengan rumusan.

2.2 DEFINISI DAN KONSEP ADAT PERPATIH

Abdul Samad, Dharmala, Muhammad dan Norhalim (1994) mendefinisikan Adat Perpatih sebagai undang-undang bermula daripada sistem sosial masyarakat pengamal adat itu sendiri, di samping diguna pakai dalam struktur pemerintahan negeri. Definisi Adat Perpatih itu dibuat berdasarkan perbilangan Adat Perpatih yang berbunyi:

> *Adat dan syarak sandar menyandar,*
> *Ibarat aur dengan tebing,*
> *Adat bersendikan hukum,*
> *Hukum bersendikan kitab Allah,*
> *Kuat adat tak gaduh hukum,*
> *Kuat hukum tak gaduh adat,*
> *Adat dipakai syarak dituruti,*
> *Syarak mengata, adat memakai* (Norhalim, 2014, ms. 4).

Berdasarkan perbilangan berkenaan, maka Adat Perpatih boleh dirumuskan sebagai peraturan hidup bermasyarakat dan berpolitik serta pentadbiran negara yang terjalin dengan konsep demokrasi. Konsep demokrasi dalam Adat Perpatih itu adalah satu pegangan dan hukum dalam sistem sosial masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Adat Perpatih dalam sistem sosial masyarakat Minangkabau Negeri Sembilan dibahagikan empat peringkat.

Peringkat pertama ialah *adat yang sebenarnya adat* iaitu adat yang sudah diwartakan sebagai undang-undang negara. Peringkat kedua ialah *adat yang diadatkan* iaitu hukum penting yang diwarisi daripada nenek moyang. Peringkat ketiga pula ialah *adat yang teradat* iaitu peraturan warisan daripada nenek moyang bersifat kekeluargaan.

Peringkat keempat atau yang terakhir adalah *adat istiadat* iaitu peraturan kecil dalam kehidupan umpamanya cara mengadap pemerintah, cara bernikah kahwin dan lain-lain (Abdul Samad dll., 1994). Norhalim (2014) dan Ameer (2017) pula berpendapat, Adat Perpatih pada umumnya merujuk pada undang-undang atau peraturan yang merangkumi aspek kehidupan masyarakat; sama ada sosial, ekonomi, politik, budaya dan agama serta lengkap dengan garis panduan meliputi: -

- *Adat Nan Sebenar Adat*
- *Adat Nan Diadatkan*
- *Adat Nan Teradat*
- *Adat Istiadat*

Adat Nan Sebenar Adat ialah sesuatu yang harus menurut alur dan patut yang menurut agama, menurut kemanusiaan, menurut tempat sama ada negara, negeri atau sesuatu wilayah dan menurut masa. Adat ini juga dikatakan yang diterima daripada hukum syarak. Berdasarkan hukum itulah diambil sah dan batal, halal dan haram, sunat dan fardhu, dakwa dan jawab, serta saksi dan baiah. *Adat Nan Diadatkan* pula merupakan adat yang berlaku secara umum dalam Adat Perpatih dan adat yang di Minangkabau itu sendiri. Umpamanya harta pusaka kaum diturunkan mengikut nasab ibu, sedangkan harta pencarian diwariskan kepada anak-anak daripada orang tua mereka. Anak-anak dari alam adat Perpatih ini secara automatik akan menjadi suku ibunya dan bukan suku bapanya.